

MegaKampus



Universiti Malaysia Pahang (UMP) bakal menawarkan dua program baharu iaitu Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Farmaseutikal) dan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Pengurusan Infrastruktur) bagi sesi akademik 2013/2014 bermula September ini.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, dua program yang ditawarkan itu membatikan kerjasama UMP dengan universiti luar negara.

Menurutnya, program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Farmaseutikal) di bawah Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli merupakan program kerjasama dengan Institut Technology Tallaght, Ireland.

"Bagi program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Pengurusan Infrastruktur) di bawah Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam, ia melibatkan program kerjasama dengan University of Southern Queensland, Australia," katanya baru-baru ini.

Kata beliau, UMP menawarkan dua program dwijazah melibatkan kerjasama dengan pihak institusi pengajian di Jerman, Hochschule Karlsruhe, University of Applied Sciences (HsKA) melibatkan bidang kejuruteraan automotif dan kejuruteraan mekatronik yang kini memasuki tahun keempat.

Jelasnya, terdapat 32 program ditawarkan UMP bagi pengambilan pelajar



SEBAHAGIAN pengunjung tidak melepaskan peluang mendapatkan maklumat mengenai pelbagai program pengajian yang ditawarkan oleh UMP khususnya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi pada penganjuran Pameran Pendidikan UMP di Pahang baru-baru ini.

Program baru UMP

Tawar dua program baharu bertaraf antarabangsa pengajian kejuruteraan, teknologi

Utusan (Mega) 8/11/13 ms20

di peringkat prasiswazah sesi akademik kali ini dimana 27 daripadanya merupakan program di peringkat ijazah sarjana muda dan lima program di peringkat diploma.

Ujar Dr. Daing Nasir, kemasukan pelajar bagi program diploma adalah pada Jun ini manakala program ijazah sarjana muda pada September ini.

"Kita juga bakal memperkenalkan program yang merupakan satu-satunya bidang yang masih baharu untuk

memenuhi keperluan negara, iaitu program dwijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan.

"Ini merupakan hasil kerjasama UMP dengan Reutlingen University (RU) Jerman yang bakal ditawarkan pada tahun hadapan.

"Program ini yang lebih memfokuskan dua aspek iaitu kejuruteraan dan perniagaan berbanding program kejuruteraan yang berasaskan sains konvensional," katanya.

Katanya, keunikan program yang ditawarkan membolehkan pelajar terdedah kepada latihan yang lebih mengutamakan pengetahuan pengurusan selain dapat mengikuti kursus dalam bidang kejuruteraan iaitu 50 peratus kejuruteraan dan 50 peratus pengurusan perniagaan.

Katanya, ini memberi lebih banyak pilihan untuk penyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi seterusnya melahirkan modal insan berketerampilan dan berpengetahuan tinggi.